

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 05 Januari 2016 8:04
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AZAM 2016 DPP SIME DARBY MENYENGAT



05 JANUARI 2016 / 24 RABIULAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

AZAM 2016 DPP SIME DARBY MENYENGAT



ANJUNG TAMU ONLINE: Hari berganti hari, tahun 2015 telah pun berlalu pergi. Namun tahun 2016 membakar semangat staf Dewan Penginapan Pelajar Sime Darby (DPP Sime Darby) untuk Discover UUM yang dimulakan dengan melawat UUM Welcome Centre.

Menurut Penolong Pengurus Asrama, Zakaria Abd. Rashid atau lebih dikenali dengan nama Pak Ya, “Kami telah lama bercadang untuk melawat Welcome Centre kerana tetamu dari seluruh dunia ramai sudah sampai ke sini tetapi Pusat Tanggungjawab (PTJ) masih belum meluangkan masa untuk melawat Welcome Centre yang terletak dalam UUM”.

“Sempena Discover UUM 2016, kami terpanggil dan berazam untuk sama-sama membantu mempromosikan UUM supaya lebih ramai pengunjung datang ke UUM. Kami difahamkan lebih 16, 000 pengunjung dari dalam dan luar negara telah melawat Welcome Centre sejak ditubuhkan pada 15 Jun 2014. ”.

“Kami rasa bertuah UUM mempunyai gerbang maklumat dan di sini sejarah penubuhan UUM yang bermula dari tahun 1980-an hingga kini telah dipamerkan untuk maklumat semua tetamu yang berkunjung”, katanya lagi.

Beliau yang merupakan staf yang telah lama berkhidmat di UUM mengucapkan tahniah kepada UUM yang berjaya menyediakan pusat informasi di kawasan utara.

Dalam pada itu semoga inspirasi tahun baru dan keseronokan bekerja di UUM sehati untuk semua warga kerja DPP Sime Darby bagi melangkah lebih jauh lagi sebagai pekerja yang cemerlang.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

